

Malaysia perlu buka universiti sains perubatan

Pusat pengajian khusus atasi kekurangan doktor, tingkat mutu perkhidmatan kesihatan

Oleh Mohd Yahya Mohamed Ariffin

ISU kekurangan doktor dan doktor pakar di hospital terus dengaran dan berpanjangan sejak sekian lama. Kesannya, banyak rungutan masyarakat yang mendapat rawatan kesihatan di hospital atau klinik kerajaan dipaparkan dalam media massa.

Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan amat sadar dan memahami masalah yang kelihatan tiada kesudahan itu. Isu ini sangat penting kerana mempunyai kaitan langsung dengan semua yang tidak dapat lari daripada menghadapi sakit sama ada yang ringan atau kritikal. Maka selagi itulah kita memerlukan doktor untuk membantu memberi rawatan perubatan.

Penghijrahan menyebabkan kekurangan sedia ada menjadi semakin teruk akibat pertambahan jumlah pesakit yang membanjiri hospital atau klinik kesihatan kerajaan setiap hari. Kekurangan semakin parah apabila bakal doktor yang mendapat pembiayaan kerajaan sepenuhnya diharap kembali ke tanah air untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat sebagai tanda membalas budi, tidak mahu pulang dan lebih berminat berkhidmat di luar negara.

Usaha berterusan kerajaan mengekalkan doktor dalam sektor awam supaya bilangan doktor dapat ditingkatkan harus dipuji. Bagi memperkukuhkan usaha itu, kera-

jaan harus menawarkan gaji dan imbuhan lebih menarik kepada doktor kerajaan setanding dengan apa yang ditawarkan sektor swasta. Walaupun maklumat JPA menunjukkan pegawai perubatan penerima gaji dan elaun paling tinggi dalam sektor awam namun itu belum cukup untuk menghalang mereka daripada meninggalkan sektor awam akibat faktor 'tarikan' yang kuat di sektor swasta.

Selain itu, kenaikan pangkat pegawai perubatan, pergigian dan doktor pakar dipercepatkan sebagai penghargaan kepada mereka untuk setia berkhidmat selain memupuk minat dan motivasi supaya terus berkhidmat dalam sektor kerajaan.

Perangkaan Rancangan Malaysia Kesembilan menunjukkan pada 2005, nisbah doktor, doktor gigi serta ahli farmasi kepada penduduk negara ini masih tinggi iaitu 1: 1,387 (doktor), 1:9,716 (doktor gigi) dan 1:6,512 (ahli farmasi). Kekurangan doktor termasuk doktor gigi dan ahli farmasi sekarang mungkin boleh diatasi melalui perancangan dan tindakan jangka panjang pihak kerajaan.

Kementerian Pengajian Tinggi boleh memikirkan secara serius menubuhkan sebuah universiti awam khusus untuk bidang sains perubatan termasuk dilengkapi sebuah hospital pengajar. Selain perubatan, penawaran kursus meliputi pergigian, farmasi, bioperubatan,

kejururawatan, optometri, dietetik dan sains kesihatan lain yang masih kurang dari segi modal insan di negara ini. Peruntukan untuk membina universiti itu mungkin boleh dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Cadangan penubuhan universiti itu disokong Naib Canselor International University College of Nursing, Profesor Datuk Dr Hashim Yaacob. Beliau berpendapat, bagi mengembangkan peranan, universiti itu perlu menawarkan kursus sains perubatan peringkat pasca siswazah memandangkan jumlah doktor pakar dalam bidang perubatan dan pergigian masih kurang.

Buat permulaan, beliau mencadangkan tenaga pengajar universiti dilantik secara tetap dan sambilan dari kalangan ahli akademik dan profesional sains perubatan tempatan serta dari luar negara. Walaupun bakal membabitkan kos tinggi tetapi percayalah usaha itu bakal memberi pulangan dan impak positif yang cukup besar kepada negara. Malah kita percaya kerajaan berupaya melaksanakannya demi kesejahteraan rakyat pada masa depan.

Penubuhan universiti itu bakal menjana modal insan untuk memberi perkhidmatan kesihatan dengan lebih efisien. Selain itu, membuka peluang kepada lebih ramai pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian di bidang itu

dalam negara.

Sebelum ini, ramai pelajar yang layak untuk mengikuti pengajian perubatan dan pergigian tetapi terbantut hasrat mereka dan kecewa akibat kekurangan tempat di universiti awam dan program ke luar negara.

Kewujudan universiti itu kelak bakal mengurangkan kebergantungan kita kepada universiti luar negara malah mampu menjimatkan kos penghantaran pelajar ke luar negara dalam bidang-bidang itu. Kos itu pula boleh diserapkan sebagai peruntukan pembinaan dan operasi universiti itu.

Dengan adanya universiti itu kelak bukan saja menjadi pusat pengajian, malah pusat rujukan dan penyelidikan penting bidang sains perubatan bertaraf dunia yang mampu menarik minat masyarakat antarabangsa ke negara ini untuk melanjutkan pengajian pasca siswazah, kata Dr Hashim yang juga bekas Naib Canselor Universiti Malaysia (UM).

Hospital pengajar pula bakal menawarkan perkhidmatan rawatan perubatan, pergigian dan sains kesihatan seperti dilakukan Pusat Perubatan UM. Jika kerajaan boleh membina banyak universiti awam berasaskan kejuruteraan mengapa sebuah universiti sains perubatan tidak dapat direalisasikan sedangkan modal insan dalam bidang itu sangat diperlukan. Cadangan ini dilihat menepati konsep 1Malaysia yang men-

dukung slogan 'Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan'.

Jika kekurangan dana, kerajaan dengan bantuan media massa boleh melancarkan sebuah tabung supaya rakyat serta badan korporat menyumbang dalam bentuk wang ringgit bagi merealisasikan pembinaan universiti itu. Kita percaya rakyat sangat dermawan memandang jutaan ringgit dikumpul setiap kali tabung bantuan kemanusiaan antarabangsa dilancarkan inikan pula untuk kepentingan dan faedah rakyat negara sendiri.

Jika cadangan menubuhkan universiti itu direalisasikan, pada masa sama penghijrahan doktor ke sektor swasta dapat dikawal serta mendorong doktor warga Malaysia dari luar negara balik berkhidmat di tanah air. Dengan ini, masalah kekurangan doktor di hospital dan klinik kerajaan dapat diatasi atau dikurangkan pada tahap minimum.

Akhirnya, masyarakat dapat manfaat melalui tahap rawatan lebih baik. Doktor pula memberi khidmat lebih baik hasil daripada beban tugas yang semakin ringan manakala lebih ramai pelajar cemerlang berpeluang mengikuti pengajian sains perubatan dalam negara. Malaysia pula bakal terkenal di peringkat antarabangsa dalam pengajian sains perubatan.

Dr Mohd Yahya Mohamed Ariffin ialah pensyarah kanan Jabatan Pengajian Media UM.